

PERKEMBANGAN NEGERI TERENGGANU 1920-1942, BERDASARKAN *SYAIR TAWARIKH ZAINAL ABIDIN III*

(*THE DEVELOPMENT OF THE STATE OF TERENGGANU 1920-1942,
BASED ON SYAIR TAWARIKH ZAINAL ABIDIN III*)

Norazilawati Abd Wahab, Ruzaini Sulaiman@Abd Rahim,
Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah

Abstrak

Penulisan berkaitan Terengganu sehingga kini gagal memanfaatkan penggunaan seni kreatif seperti *Syair Tawarikh Zainal Abidin III* sebagai salah satu sumber utama dalam penulisan sejarah negeri berkenaan. Sebaliknya, para penyelidik lebih memfokuskan penggunaan sumber lain seperti rekod British, rekod rasmi Setiausaha Negeri Terengganu, surat diraja dan lain-lain lagi. *Syair Tawarikh Zainal Abidin III* yang dihasilkan oleh Tengku Dalam Kalthum (TDK) dilihat mempunyai maklumat penting mengenai Terengganu terutamanya ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dari tahun 1920 sehingga tahun 1942. Objektif penyelidikan ini ingin membincangkan perkembangan negeri Terengganu ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dari tahun 1920 sehingga tahun 1942 berdasarkan *Syair Tawarikh Zainal Abidin III*. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dan memfokuskan pendekatan sejarah. Hasil penyelidikan ini menunjukkan melalui *Syair Tawarikh Zainal Abidin III*, negeri Terengganu ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dilihat mencapai kemajuan yang cukup besar terutamanya dalam aspek sosioekonomi di negeri tersebut. Dapatkan kajian juga mengesahkan ketepatan dan kesahihan rekod-rekod lain berkaitan baginda dan negeri Terengganu dalam tempoh yang dinyatakan. Hal ini menunjukkan sumber sejarah Terengganu melalui *Syair Tawarikh Zainal Abidin III* berada dalam kelasnya yang tersendiri dan mempunyai maklumat penting berkaitan sejarah Terengganu.

Kata kunci: Tengku Dalam Kalthum, *Syair Tawarikh Zainal Abidin III*, Terengganu, Kesultanan Terengganu, British

Abstract

Till today, studies of Terengganu have not utilized the use of creative arts such as Syair Tawarikh Zainal Abidin III as one of the main sources in studying the history of Terengganu. Instead, the researchers focused more on other sources like British records, official records of the Terengganu State Secretary, royal letters and others. It was believed that Syair Tawarikh Zainal Abidin III by Tengku Dalam Kalthum (TDK) contains important information about Terengganu, especially during the reign of Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah which was from 1920 to 1942. The objective of this research was to discuss the development of Terengganu during the reign of Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920 to 1942) based on Syair Tawarikh Zainal Abidin III. This research used qualitative methods and focused on a historical approach. This research found that according to Syair Tawarikh Zainal Abidin III, Terengganu had achieved considerable

progress, especially in the socio-economic aspects during the reign of Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. The findings of the study also confirmed the accuracy and validity of other records related to Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah and Terengganu in the said period. This shows that Syair Tawarikh Zainal Abidin III is an important source of history for Terengganu and in its own class compared to other records.

Keywords: *Tengku Dalam Kalthum, Syair Tawarikh Zainal Abidin III, Terengganu, Terengganu Sultanate, British*

PENGENALAN

Bismillahi al-Rahman Mula Dikarang,
Al-Rahim Pula Tersebut Gerang,
Cerita Sebenar Lagipun Terang,
Mulai mengarang bulan Muhamram

(Muhammad Yusoff Hashim 1991)

Pembuka bicara “Bismillahi al-Rahman” yang penuh sopan dan bertatasila dengan nilai keagamaan yang cukup utuh. Walaupun hanya menggunakan setiap patah perkataan yang cukup mudah, namun di sutilah terletaknya nilai keistimewaan tinggi apabila Tengku Dalam Kalthum binti Tengku Wook Khazaki berjaya memperihalkan segala bentuk kemajuan dan sejarah Terengganu dengan hanya melalui seni kreatif iaitu *Syair Tawarikh Zainal Abidin III*. Beliau merupakan seorang tokoh hebat dalam dunia penulisan Melayu dan merupakan seorang penulis yang terlibat secara langsung dalam dunia penulisan pada awal abad ke-20. Walaupun pendekatan yang digunakan oleh TDK adalah berbentuk puisi dan kandungannya bermula ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, namun penyelidikan ini bermatlamat untuk mengkaji dengan lebih jelas mengenai perkembangan negeri Terengganu ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah berdasarkan *Syair Tawarikh Zainal Abidin III*.

Sejarah Negeri Terengganu Secara Ringkas

Negeri Terengganu yang merupakan salah sebuah negeri beraja dalam Persekutuan Malaysia mempunyai sejarahnya yang istimewa. Seperti yang dinyatakan oleh pakar sejarah Leonard Andaya, sejarah Malaysia didominasikan oleh sejarah Kerajaan Melaka, namun sejarah kerajaan-kerajaan lebih kecil seperti Terengganu tidak kurang pentingnya. Walaupun tidak banyak diketahui mengenai sejarah awal negeri ini, beberapa catatan dalam sumber Barat, China dan lain-lain menunjukkan Terengganu pada awalnya dikenali dengan pelbagai nama dan dirujuk oleh sejawaran sebagai “*The Favoured Coast*” atau “Pantai Bertuah”. Daripada sejarah awal ini, penemuan Batu Bersurat di Hulu Terengganu pada 702 Hijrah bersamaan 1303 Masihi merupakan tahap baharu kepada negeri ini kerana perkembangan Islam mula berlaku. Malah, Terengganu juga merupakan antara negeri yang terawal menerima Islam di Malaysia (Abdul Rahman Embong 2012).

Kemajuan sesebuah wilayah dan masyarakat tidak akan berkesinambungan dan kekal tanpa pemerintahan yang tersusun rapi, adil dan utuh serta penglibatan dan sokongan masyarakat sama ada lelaki maupun wanita (Mohamed Anwar & Nik Anuar 2009). Sejarah Terengganu membuktikan hakikat ini dengan jelas apabila tertubuhnya institusi Kesultanan Terengganu yang diasaskan pada 1708 oleh Sultan Zainal Abidin I (1708-1733) (Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud 2009). Didapati, dengan kewujudan institusi beraja ini, kedudukan rakyat tidak kira lelaki atau wanita mula diketengahkan (Abdul Rahman Embong 2012). Legasi mengetengahkan penglibatan wanita bukan hanya berlaku ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin I, malah turut berlaku ketika pentadbiran beberapa sultan yang lain terutamanya ketika pentadbiran Sultan Baginda Omar (1839-1876) (Arba’iyah Mohd Noor 2006). Ketika itu, dapat dilihat bahawa ekonomi Terengganu mulai maju dalam kesemua aspek termasuk perusahaan, perdagangan, perikanan malah pertaniannya (Abdul Rahman Embong 2012). Kesemua ekonomi ini berjaya mewujudkan satu bentuk peralihan ekonomi yang amat ketara dalam kalangan

masyarakat Melayu tanpa mengira jantina mahupun umur. Fenomena dan proses perubahan ekonomi yang dikaitkan dengan sistem dan orientasi kapitalisme merupakan hasil daripada revolusi perindustrian yang berlaku di Eropah. Perkembangan tersebut juga telah memperlihatkan manifestasinya di luar Eropah termasuk rantau Asia Tenggara yang sebenarnya telah terdedah kepada proses imperialism Barat semenjak abad ke-16 (P.H. Kratoska 2001). Sejak suku kedua abad ke-19, Kesultanan Terengganu mengalami era baharu khususnya dalam sistem ekonomi, pemerintahan, kehakiman, pendidikan, infrastruktur dan hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan lain. Era kemajuan ini cukup jelas berlaku ketika pemerintahan institusi kesultanan awal sebelum tahun 1900 dan dimantapkan oleh Sultan Zainal Abidin III (1866-1918) dan dibangunkan oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920-1942) dengan pelbagai pembangunan pada abad ke-20 (Arba'iyah Mohd Noor 2006).

Menariknya perkembangan Terengganu menjelang abad ke-20, TDK cukup bijak memperihalkannya dalam bentuk sebuah syair yang dikenali sebagai *Syair Tawarikh Sultan Zainal Abidin III*. Syair ini telah dikarang pada 6 April 1936 bersamaan 14 Muharram 1355 Hijrah (Jelani Harun 2017). TDK menamatkan penulisan syair ini pada bulan Rabiulakhir 1355H bersamaan bulan Jun 1936 M. Secara keseluruhannya, syair ini adalah bertemakan sejarah dan mempunyai ikatan kukuh dengan puisi riwayat tradisional. Kecenderungan syair ini masih lagi bersifat *istana-centric* dan dilihat berusaha untuk menaikkan kewibawaan tokoh-tokoh aristokrat Terengganu pada abad ke-20 (Muhammad Yusoff Hashim 1991). Selain pendekatan prosa riwayat, pendekatan puisi juga digunakan oleh pengarang silam dalam menyampaikan mesej tertentu termasuk mesej sejarah. Mesej iri kemudian mampu membuatkan pembaca terhibur dan berimajinasi terhadap perkembangan yang berlaku di Terengganu pada abad ke-20. Menariknya, segala peristiwa yang berlaku adalah disaksikan sendiri oleh TDK tanpa sebarang ‘kepura-puraan’ sepertimana tercatat dalam syair:

Hal ku karang bukan direka,
Beta nan telah menuntut juga,
Dengan wazir seri paduka,
Telah dibenar oleh mereka

(Muhammad Yusoff Hashim 1991).



Gambar 1. Tengku Dalam Kalthum binti Tengku Wok Khazaki (TDK)

Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

Berdasarkan catatan dalam Terengganu Darul Iman: Tradisi Pensejarahan Malaysia berkaitan syair *Syair Tawarikh Sultan Zainal Abidin III*, TDK merupakan antara tokoh penulis kreatif di Terengganu. Antara karya lain yang pernah dihasilkan oleh beliau ialah *Gharib* (karangan berangkap 15 jilid), *Asyik* (karangan berangkap nasihat kepada kanak-kanak, 17 jilid), *Kobat Syah Riyar* (fiksyen Islam, 36 jilid), *Syariful-Akhtar* (prosa dan puisi fiksyen Islam, 9 jilid), *Syamsul-Anwar* (fiksyen Islam 1 jilid), *Khatim* (corak nazam, 1 jilid), *Cik Siti Lela, Kobat Syahar-Zaman II* dan *Hayat’ul-Nasib* (Utusan Malaysia 3 Oktober 2003: Muhammad Yusoff Hashim 1991). Kehebatan TDK dalam penulisan kreatif di Terengganu telah meletakkan beliau sebaris dengan penulis hebat yang lain seperti Tengku Tuan Bilik yang merupakan anak saudara kepada Sultan Ahmad II. Selain Tengku Tuan Bilik, penulis wanita lain yang terdapat di Terengganu ialah Tengku Ampuan Mariam iaitu permaisuri kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah yang mengarang syair bertajuk Syair Perkahwinan Dahulu Kala dan Hajah Wok Aisyah binti Al-Haji Nik Idris yang telah mengarang syair bertajuk Syair Tuan Hampiris. Melalui situasi yang dinyatakan, jelas menunjukkan Terengganu berjaya melahirkan “*royal authors*” Melayu tradisional sekali gus mengangkat darjah wanita Melayu dalam pelbagai aspek. Malah, dengan kelahiran syair-syair terkemuka ini jelas memperlihatkan bahawa Terengganu merupakan sebuah negeri yang cukup istimewa kerana mempunyai kepelbagai dan variasi dalam perkembangan politik, ekonomi dan juga sosial.



Gambar 2. Kumpulan Naskhah Melayu Karangan Tengku Dalam Kalthum (TDK) yang Telah Ditemui di Istana Maziah

Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

Latar Belakang Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920-1942) berdasarkan *Syair Tawarikh Zainal Abidin III*, 1920-1942.



Gambar 3. Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920-1942)

Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

Nama digelar Sultan Sulaiman
Mudanya arif sangat budiman
Kelakuan sabra tetapnya iman
Tiada banyak madah firman

Hitam manis warna kulitnya
Tinggi lampai usul tubuhnya
Sangat pendiam serta sabarnya
Kasih segala hamba sahaya

(Muhammad Yusoff Hashim 1991)

Berdasarkan rangkap syair di atas, ia merujuk kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah yang merupakan seorang sultan yang cukup berjiwa rakyat di Terengganu. Baginda yang digambarkan oleh TDK sebagai arif, budiman, beriman dan kasih terhadap segala rakyat jelas memperlihatkan bahawa baginda cukup layak untuk digelar sebagai seorang pemimpin. Ia tidak mustahil kerana baginda sendiri merupakan putera kepada Sultan Zainal Abidin III dan merupakan adik beradik sebapa dengan Sultan Muhammad II. Sultan Zainal Abidin III yang turut digambarkan oleh TDK sebagai seorang sultan yang cukup alim, warak, pandai berkata-kata, lemah lembut dan hebat jelas memperlihatkan bahawa keturunannya ialah keturunan yang cukup dihormati dan disegani (Jelani Harun 2015). Bonda baginda ialah Chik Asiah binti Ismail. Baginda telah menaiki takhta pada 21 Mei 1920 iaitu pada tarikh bekanda baginda Sultan Muhammad II turun takhta secara sukarela. Baginda telah berkahwin dengan puteri Sultan Pahang iaitu Tengku Mariam pada 17 Syaaban 1331 (21 Julai 1913). Pertabalan baginda berlangsung pada 22 Februari 1921. Setelah berkahwin, isteri baginda telah dikurniakan gelaran Tengku Ampuan. Baginda dilihat telah memegang tampuk

pemerintahan Terengganu selama 22 tahun 4 bulan. Ketika pentadbiran baginda, Terengganu telah menerima pelantikan J.L Humphreys Walter sebagai penasihat British pertama pada tahun 1919 hingga 20 April 1925. Kesan pelantikan ini telah menyebabkan institusi tradisional pribumi mula menerima perubahan di mana setiap jabatan mula ditempatkan penasihat dan Pegawai British (Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud 2009). Keutuhan keperibadian Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah telah berjaya menarik perhatian TDK untuk menulis atau merakam pelbagai peristiwa yang berlaku sekitar zaman pemerintahan baginda.

Perkembangan Politik di Terengganu Berdasarkan Syair Tawarikh Zainal Abidin III Ketika Pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah

a) Penyusunan Sistem Pentadbiran Terengganu

British Adbisyar penasihat negeri
British ejen balik ke mari
Senang tuanku berdiam diri
Dia menjaga sebarang peri

Tuanku jangan susah di dada,
Dialah memberi fikiran yang ada
Ringan pekerjaan menteri berida
Telah dibantu berganda-ganda

(Muhammad Yusoff Hashim 1991)

Berdasarkan petikan syair di atas, ia dilihat memerihalkan mengenai perkembangan politik ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Terengganu di bawah pemerintahan baginda telah menerima pelantikan penasihat British yang berperanan menasihati baginda dalam segala hal pentadbiran kecuali adat-istiadat negeri Terengganu dan hal keagamaan. Bagi melancarkan lagi pentadbiran Terengganu, negeri ini mula ditadbir mengikut pentadbiran daerah yang dilihat mewujudkan tiga bentuk jajahan baharu iaitu Jajahan Timur, Jajahan Tengah dan Jajahan Barat. Jajahan timur mengikut Warta Kerajaan Terengganu bilangan 29 adalah termasuk Jajahan Kemaman, Kemasik, Kertih, Paka dan Dungun yang berpusat di Kemaman. Seterusnya, Jajahan Tengah terdiri daripada Kuala Terengganu, Marang dan Kuala Ibai yang berpusat di Kuala Terengganu. Manakala Jajahan Barat pula ialah melibatkan Besut dan Setiu di mana pusat pentadbirannya adalah terletak di Kampung Raja. Ketiga-tiga jajahan ini ditadbir oleh seorang pesuruhjaya dan dibantu oleh Penasihat British. Manakala seorang Pegawai Daerah pula ditempatkan di Pejabat Daerah dan beberapa pegawai lain turut dilantik pada ketika itu (Annual Report Social & Economy Progress States of Trengganu 1931). Melalui pembahagian tiga bahagian pentadbiran, ia dilihat menjadi lebih sistematik dalam tempoh yang dinyatakan. Baginda turut mewujudkan pejabat baharu selain Pejabat Menteri Besar, Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Pejabat Penasihat British. Pelantikan Datuk Seri Amar Diraja Haji Ngah @ Muhammad bin Yusof pada tahun 1925 sebagai Menteri Besar Terengganu telah menambah kekuatan dalam pentadbiran baginda ekoran beliau merupakan pegawai kerajaan yang cukup berpengaruh dalam sesuatu urusan pentadbiran negeri. Antara tugas utama Datuk Seri Amar Diraja Haji Ngah @ Muhammad bin Yusof ialah sebagai penghubung utama antara sultan dan juga Penasihat British (Fatimah Abdullah 1977). Dengan sifat kepimpinan yang tinggi dan kemahiran pengurusan yang baik telah menyebabkan beliau dianugerahkan *Commander of the British Empire* oleh Kerajaan British sekitar tahun 1925 (SUK.Tr. 100/1343). Dari aspek yang lain, pelantikan Datuk Seri Amar Diraja Haji Ngah adalah berdasarkan ketetapan yang terkandung dalam *Itqân Al-Mulûk Bi Ta'dîl As-sulûk*. Dalam undang-undang tersebut, pegawai kerajaan adalah wajib beragama Islam dan berbangsa Melayu. Maka dengan itu, tindakan menjadikan *Itqân Al-Mulûk Bi Ta'dîl As-sulûk* sebagai panduan dalam pentadbiran dilihat sebagai usaha baginda memantapkan sistem politik Terengganu meskipun undang-undang tersebut ditubuhkan oleh Sultan Zainal Abidin III.



Gambar 4. Datuk Seri Amar Diraja Haji Ngah @Muhammad bin Yusof (Duduk Di Bahagian Kiri Barisan Hadapan) bersama Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (Tengah)

Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

b) Penubuhan Pasukan Mata-mata

TDK secara jelas menyatakan, ketika pemerintahan baginda, pasukan mata-mata ditubuhkan pada tahun 1920 bagi melindungi kedudukan strategik Terengganu daripada ancaman luar dan dalam terhadap negeri tersebut. Pasukan mata-mata atau “Budak Raja” adalah berperanan sebagai pengawal keamanan di bawah penyeliaan Datuk Mata-mata. Apa yang menarik untuk ditonjolkan, penubuhan pasukan mata-mata ini adalah kesan daripada Pemberontakan Tani yang berlaku di Terengganu pada tahun 1928 (Abdullah Zakaria Ghazali 2012). Sekitar 7 Mei 1928, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah bercadang untuk menubuhkan pasukan mata-mata agar pemberontakan yang berlaku dapat dikawal tanpa melibatkan pertumpahan darah. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, baginda bersama rombongan yang terdiri daripada Penasihat British, W.M. Millington, Pesuruhjaya Polis British, Datuk Seri Ammar Diraja dan beberapa ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang lain bertindak berkunjung ke Kuala Berang bagi menyelesaikan pemberontakan tersebut (Abdullah Zakaria Ghazali 2012). Meskipun telah berkunjung ke lokasi kejadian, pasukan mata-mata dilihat telah berjaya menyelesaikan pemberontakan yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limpong dan sememangnya peristiwa ini telah memberi tamparan hebat kepada pemerintahan Terengganu yang dilihat telah melakukan perubahan tanpa mengambil peduli nasib golongan bawahan seperti golongan petani dan rakyat biasa.

Tersenyum memandang duli mahkota
Kepada Datuk Nara Wangsa Mata-mata
Dititah menggelar wazir pendeta
Namanya sudah diberi nyata

Maka bangkitlah Datuk yang Tampan
 Menghormatkan sultan tertib dan sopan
 Di bahu tersangkut suatu tetampuan
 Cahaya memancar gemerlap

(Muhammad Yusoff Hashim 1991)

Rentetan daripada peristiwa itu, baginda dilihat mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan peristiwa yang sama berlaku selepas itu. Baginda telah bertindak mengarahkan segala kegiatan jenayah diselesaikan dengan segera di seluruh negeri Terengganu. Pesalah yang ditangkap akan diadili oleh Yang Dipertuan sebelum dijatuhkan hukuman yang sesuai dengan kesalahan yang dilakukan (Abdullah Zakaria Ghazali 2012). Sememangnya, penubuhan pasukan mata-mata dilihat telah melindungi kepentingan strategik Terengganu sekali gus menunjukkan perubahan yang dilakukan telah menjamin kesejahteraan hidup di negeri tersebut.



Gambar 5. Pasukan Mata-mata Membuat Kawalan Ketika Pemberontakan Tani yang berlaku di Terengganu pada 1928

Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

Perkembangan Ekonomi di Terengganu Berdasarkan Syair Tawarikh Zainal Abidin III Ketika Pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah

a) Kegiatan Perusahaan Tekstil

Selain politik, TDK turut memperihalkan perkembangan ekonomi Terengganu ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. TDK telah menggambarkan bahawa Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah merupakan seorang sultan yang sangat dekat dengan penduduk Terengganu. Baginda dilihat sebagai seorang sultan yang cukup gemar melibatkan diri dengan segala aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh penduduk Terengganu. Berikut adalah siri lawatan yang dijalankan oleh baginda

20 Ogos 1937; melalui jalan Kampung Patani pusing kiri Jalan Tok Lam, Jalan Paya Bunga terus ke simpang Ladang berhenti sekejap melihat pekerjaan tukang besi; kemudian pusing kiri ikut Jalan Zizah

masuk ke tempat tukang pekerjaan perahu di Tanjung Marang; seterusnya pergi ke tempat pekerjaan perkakas tembaga; selepas melihat pekerjaan tembaga terus masuk Jalan Ah'mad tukang melihat pekerjaan tenunan kain-kain dan melihat pekerjaan tukang perahu. Antara kerabat diraja yang turut serta dalam lawatan tersebut ialah Datuk Indera Pahlawan (SUK. Tr. 103/1355).

Baginda sememangnya dilihat memberi tumpuan terhadap tiga kegiatan ekonomi utama seperti kegiatan perusahaan tekstil, kegiatan perusahaan perahu dan kegiatan perusahaan tembaga. Perusahaan tekstil di negeri ini dilihat mencapai kegemilangannya yang tersendiri apabila Terengganu sehingga kini masih mengekalkan identiti dan kedudukan mereka sebagai negeri pengeluar produk tekstil utama di Malaysia. Perusahaan tekstil di Terengganu adalah melibatkan penghasilan kain sutera, kain kapas, kain batik, hasil tenunan dan kain sarong oleh pengusaha wanita Melayu. Penghasilan tekstil bukanlah sebuah proses mudah dan sangat bergantung melalui kepakaran serta inovasi dalam kalangan golongan wanita. Hasil inovasi mereka telah berjaya mengolah dan mencipta pakaian yang bersesuaian bagi kegunaan pelbagai lapisan masyarakat di Terengganu sejak sekian lama. Kehebatan golongan wanita yang dinyatakan telah menyebabkan TDK dengan jelas memperihalkannya dalam syair beliau:


Kain sutera benang setui,
Segala dagang berjual beli,
Bermacam corak warna asli,
Siapa melihat gila dan lali,

Kain Terengganu mashurlah nama,
Segenap negeri baginda saksama,
Berbagai-bagai baharu menjelma,
Tukang yang lain dibanding tak sama,

Kain benang emas telepuk serta,
Terengganu masyur sekalian rata,
Berbagai bunga terangnya nyata,
Elok tak dapat saya cerita.

(Muhammad Yusoff Hashim 1991)

Berdasarkan petikan syair di atas, golongan wanita Terengganu digambarkan sangat mahir dalam penghasilan kain tenunan sutera, kain benang setui, kain benang emas dan kain telepuk. Malah penghasilan produk tekstil yang dinyatakan cukup berkualiti sekiranya dilihat melalui petikan syair di atas (Muhammad Yusoff Hashim 1991). Tekstil yang dihasilkan bukannya menggunakan mesin yang berteknologi tinggi sebaliknya hanya menggunakan kelebihan yang dimiliki oleh golongan wanita melalui hasil kerja tangan (Unfederated Malay States Annual Report 1914). Kemajuan dalam perusahaan tekstil telah memenuhi matlamat pihak kerajaan untuk menjadikan perusahaan ini sebagai salah satu sumber ekonomi penting di Terengganu. Pada ketika itu, golongan wanita bukan sahaja terlibat sebagai pembantu semata-mata, malah telah berlakunya mobiliti sosial kepada pengusaha tekstil. Mobiliti sosial yang dinyatakan adalah disebabkan oleh nilai keuntungan yang mampu memberikan sumber pendapatan yang besar kepada mereka. Sebagai contoh pada tahun 1937, Che Mek binti Ishak yang merupakan pengusaha songket benang emas telah berjaya memperoleh jumlah pendapatan yang tinggi iaitu sebanyak \$600. Kejayaan beliau mencatatkan jumlah pendapatan yang tinggi disumbang melalui penjualan tekstil di pameran yang diadakan di Kuala Lumpur. Situasi ini juga menunjukkan terdapatnya emansipasi wanita di Terengganu apabila pendapatan yang diperolehi melalui perusahaan tekstil dapat membantu kelangsungan keluarga mereka berbanding sebelumnya. Malah, pada tahun 1911, terdapat sekurang-kurangnya 1,324 orang pengusaha wanita Melayu Terengganu yang terlibat dalam kegiatan penghasilan tekstil dan kebanyakan dalam kalangan mereka menjalankan perusahaan tersebut di bawah rumah sahaja (A.H. Hill 1949).



Gambar 6. Tenunan Songket Benang Emas yang Dihasilkan Oleh Wanita Melayu Terengganu Seawal 1900

Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

Ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, baginda mula menjadikan perkembangan seni dan budaya di Terengganu sebagai sebahagian perlambangan sosial masyarakat (Mohd. Noor Ismail 2006). TDK turut memperihalkan bahawa dengan perkembangan kegiatan perusahaan tekstil, pasar yang dibina mula dijadikan sebagai tempat untuk berjual beli misalnya Pasar Kedai Payang, Pasar Chabang Tiga dan Pasar Tanjung. Pasar-pasar tersebut dipenuhi dengan aktiviti penjualan pelbagai lapisan masyarakat di Terengganu.

Suatu Bandar di Kedai Payang,
Di situ ramai malam dan siang,
Ke sana ke mari seperti wayang,
Tiada terkecuali waktu sembahyang

(Muhammad Yusoff Hashim 1991)

Pasar Kedai Payang yang digambarkan oleh TDK merupakan satu kawasan penting untuk masyarakat Melayu di Terengganu menjalankan urusan perniagaan dan di situ jugalah dijadikan sebagai lubuk untuk mencari rezeki dalam kalangan masyarakat tempatan (Terengganu Annual Report A.H. 1438 (8th June 1929-27th May 1930)). Dari aspek yang lain, ternyata pembinaan riwayat yang dilakarkan oleh TDK mampu menghubungkaitkan kegiatan perdagangan dan kegiatan perusahaan tekstil dalam kalangan masyarakat Melayu. Malah, konsep adunan budaya yang pelbagai dijalankan oleh masyarakat Melayu serta kepandaian mereka membuat kain tenunan sutera, kain benang setui, kain benang emas dan kain telepuk telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Terengganu sememangnya cukup hebat dalam kegiatan ekonomi tekstil pada abad ke-20 (Muhammad Yusoff Hashim 1991).



Gambar 7. Wanita Melayu di Terengganu Menggunakan Pasar Sebagai Pusat Jual Beli Pelbagai Hasil.

Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

b) Kegiatan Perusahaan Tembaga

Selain perkembangan kegiatan perusahaan tekstil, TDK turut memperihalkan perkembangan ekonomi berbentuk perusahaan tembaga di Terengganu dalam kalangan masyarakat Melayu ketika pentadbiran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dalam syair tersebut.

Apatah lagi perkakas tembaga,
Pembuatan Terengganu bermacam nika
Siapa melihat semua suka,
Di situ pun pergi melihat mereka

(Muhammad Yusoff Hashim 1991)

Sekiranya dilihat berdasarkan rangkap syair di atas, produk tembaga yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu di Terengganu cukup berkualiti dan halus pembuatannya sehingga menarik perhatian orang ramai untuk memiliki. Teknik penghasilan produk tembaga yang begitu indah dan disempurnakan lagi dengan hiasan dan corak-corak dikenali sebagai seni ragam hias serta bentuk potongan gaya motif yang tersusun dengan corak tersendiri menjadikan produk tembaga Terengganu semakin mendapat sambutan daripada semasa ke semasa (SUK. Tr. 103/1355). Situasi ini menyebabkan Singapura berminat dengan produk tembaga Terengganu sehingga membuatkan ia menjadi eksport utama Terengganu ke Singapura. Antara produk tembaga yang dihasilkan pada ketika itu ialah kaki lilin, tepak sirih dan tempat habuk rokok.

Selain Singapura, tembaga putih Terengganu turut mendapat permintaan Siam, China dan beberapa negara Eropah (E.A. Dickson, (British Agent), Trengganu Annual Report For The Year 1913, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1914). Menjelang tahun 1922, eksport tembaga putih ke negara luar berjaya mencecah jumlah sehingga 638 buah tembaga dengan nilai \$32,811 (J.L. Humphreys (British Adviser Trengganu), The Annual Report of The British Adviser Trengganu For The Year 1922, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1923). Keunikan hasil kerja yang ditonjolkan melalui produk tembaga

telah menyebabkan baginda membeli lima keping tembaga lapis dengan jumlah \$116.85 pada tahun 1934 (L.O.T 29/1352). TDK juga memperihalkan bahawa ketika pentadbiran baginda, kegiatan perusahaan tembaga telah menjadi sebagai salah satu punca pendapatan kepada rakyat tempatan. Sekitar tahun 1940, Terengganu mempunyai ramai pengusaha tembaga yang mahir seperti Che Ali bin Ismail dan Che Gu Hitam (CPR/M338 (73).

Jadual 1: Senarai Pengusaha Tembaga Puteh Terkenal di Terengganu

Bil.	Nama Pengusaha	Kemahiran-kemahiran Tertentu dalam Bidang Pembuatan Tembaga
1	Man bin Mat	Membentuk Tanah Liat (Lembangan)
2	Jusoh A. Rahman	Menampal Tanah Kuning
3	Abu Bakar A. Kadir	Mencelup Lilin
4	Mat Zain Mohd	Menampal Tanah atas Lilin
5	Endut bin Musa	Menampal Tanah atas Pasir
6	Khamzah Musa	Menampal Tanah atas Sekam
7	Wan Idris Ali	Menuang Tembaga
8	Wan Nik	Melarek Tembaga Kasar
9	Samsudin Ismail	Melarek Tembaga Halus

Sumber: Agricultural Show Ulu Trengganu 1938, C.L.M 279/37.

Kawasan yang menjadi tumpuan penjualan tembaga di Terengganu ialah Sekolah Ladang, Ladang Titian, Ladang Cicar, Paya Bunga dan beberapa kawasan yang lain (J.E. Nathan 1921). Selain itu, TDK turut memperihalkan bahawa harga jualan produk tembaga Terengganu amat murah sehingga menarik pembeli daripada luar. Misalnya, untuk sebuah tembaga yang berkualiti, harga yang ditetapkan adalah sekitar \$65 sahaja (Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA)-The MAHA, Vol. 1, No. 1-4 and Vol. II, No. 1, 1927-1928). Kesannya wujud keharmonian dalam kalangan rakyat dan pedagang luar.

Tepak kemuning cembul tembaga,
Pembuatan tukang Terengganu belaka,
Siapa melihat terlalu suka,
Lagipun murah sangat harga

(Muhammad Yusoff Hashim 1991)

Pada tahun 1939, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah turut menjadikan produk tembaga sebagai hadiah cenderamata kepada Singapura sebagai tanda persahabatan golongan diraja Terengganu dengan Singapura (L.O.T 105/1357). Berikut merupakan memorandum daripada Istana Kolam kepada Al-Syed Abdul Rahman (kerabat diraja Singapura) pada 2 Jamadilakhir 1357 Masehi:

Bersama-sama surat ini adalah hendak diberikan empat dulang tembaga puteh buatan tukang Terengganu dan dihadiahkan kepada Al-Syed Abdul Rahman sebagai tanda ingatan yang ikhlas jua harap sampai pada pertimbangannya. Barang tembaga yang dihantar ke Singapura akan menggunakan kapal besar dari Terengganu ke Singapura dengan menggunakan borang telegraf Kerajaan Terengganu (L.O.T 105/1357).

Pemberian hadiah berbentuk produk perusahaan seperti tembaga merupakan salah satu langkah pihak Kerajaan Terengganu untuk mempromosikan produk tempatan di samping menjalankan hubungan persahabatan dengan Singapura. Kebiasaannya, sesuatu barang yang digunakan sebagai hadiah dan anugerah dianggap sebagai hadiah yang paling berharga dan bernilai dari segi perniagaan antarabangsa (eksport-import). Kerancakan aktiviti perusahaan tembaga yang dilihat oleh TDK telah diperihalkan sebagai suasana yang harmoni sehingga lahirnya ramai peniaga dan tukang tembaga yang sentiasa sibuk bekerja siang dan malam untuk memperoleh sumber pendapatan. Kesannya, pelabuhan Kuala Terengganu menjadi masyhur “*di laut dan di darat*” (Tatiana A. Denisova 2011). Bagi memastikan permintaan terhadap produk tembaga terus berkekalan, baginda turut bersetuju mengeluarkan peruntukan sebagai persediaan menjalankan aktiviti pameran tembaga kuning dan tembaga putih di Kemaman sebanyak \$250, di Besut sebanyak \$400, di Ulu Trengganu sebanyak \$200 dan di Ulu Dungun sebanyak \$150 (C.L.M 279/37). Bagi Kerajaan Terengganu, bantuan yang disalurkan merupakan satu langkah untuk mengubah cara hidup masyarakat Melayu yang sebelumnya hidup dalam kekurangan dan kemiskinan:

Maka pada pandangan saya amat-lah ber-faedah di-ada-kan pertunjukan yang sa-umpama ini pada tiap-tiap tahun kerana sebagai iktiar mamaju-kan perushaan tanaman-tanaman dan pertukangan di-jajahan ini yang ra’ayat2 di sini sangat lemah ikhtiar-nya di-dalam hal mencari penghidupan, ada-nya (C.L.M 279/37).

Secara asasnya, bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan bertujuan membantu kelangsungan perusahaan ini selain kegiatan perusahaan tekstil. Malah, baginda turut berharap melalui bantuan yang diberikan, ia dapat membantu para pengusaha memperkasakan ilmu perniagaan dan teknik penghasilan produk tembaga dari semasa ke semasa.

Maka saya mengshorkan patut di-kurniakan wang sebanyak \$500/- bagi per-belanjaan pertunjok-kan2 itu, \$200/- kepada Kuala Terengganu kepada Kemaman dan Dungun \$100/- kepada Besut. Maka tuan terlebih ma’alom berapa faedah boleh dapat kepada orang ramai daripada pertunjok-kan sabagitu akan mampu memajukan tanaman dan pertukangan tangan dan menambah ilmu dan kepandaian-nya. Sila bawa di-timbang (C.L.M 283/1352).

Kelebihan dan faedah yang dinikmati daripada pameran yang dijalankan merupakan titik tolak penerimaan kegiatan perusahaan tembaga daripada masyarakat tempatan. Oleh itu, bagi membuktikan tanda sokongan baginda terhadap pameran yang dinyatakan, khidmat budak pengakap sekolah turut digunakan sebagai langkah penjagaan keselamatan sepanjang pameran dilangsungkan. Walau bagaimanapun, khidmat yang diberikan bukannya percuma dan kerajaan tetap memberikan upah sebanyak \$39.95 bagi setiap kumpulan pengakap yang terlibat dalam pameran berkenaan (C.L.M 279/37).

Penerimaan golongan atasan terhadap setiap aktiviti pameran dapat dibuktikan dengan tindakan baginda yang sentiasa melawat tapak pameran sepanjang ia dilangsungkan. Kesannya, ia telah menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negeri dari semasa ke semasa. Malah, ia telah mewujudkan interaksi antara pengunjung dan jurujual sekaligus mewujudkan hubungan baik dalam kalangan mereka. Syair ini secara langsung memperlihatkan bahawa perkembangan kegiatan perusahaan tembaga sememangnya cukup berkembang sekitar abad ke-20 sehingga kegiatan ini diibarat seperti “*tukang yang lain dibanding tak sama*” (Muhammad Yusoff Hashim 1991).



Gambar 8. Proses Penampalan Tanah Liat
Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

Perkembangan Sosial di Terengganu Berdasarkan Berdasarkan *Syair Tawarikh Zainal Abidin III* Ketika Pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah

a) Perkembangan Sistem Pelajaran dalam Kalangan Rakyat di Terengganu

Selain mengandungi maklumat penting mengenai sistem politik dan ekonomi, TDK melalui *Syair Tawarikh Zainal Abidin III* turut memperihalkan mengenai perkembangan sosial di Terengganu ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Misalnya dapat dilihat dengan jelas, baginda sememangnya bermatlamat untuk memperkasakan sistem pelajaran di Terengganu. Situasi ini juga didorong melalui latar belakang baginda yang berpelajaran Inggeris dan Melayu. Malah, Tengku Ampuan Mariam juga merupakan seorang yang berjiwa rakyat dan memberi galakkan kepada baginda untuk menambahbaik sistem pelajaran di Terengganu.


Negeri sudah ikut aturan,
Diada (kan) kastam serta bandaran,
Dibangunkan beberapa tempat pelajaran,
Tuanku menolak sangat hairan
(Muhammad Yusoff Hashim 1991)

“Dibangunkan beberapa tempat pelajaran”. Pernyataan di atas oleh TDK cukup jelas bahawa Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah cuba membangunkan sistem pelajaran di Terengganu. Ini kerana, melalui pelajaran, perubahan masyarakat daripada bersifat statik dan tradisional kepada masyarakat yang lebih maju serta progresif boleh berlaku (Abdul Rahman Haji Hussain 1972). Kepentingan pelajaran dalam kehidupan manusia adalah menyamai dengan keperluan kehidupan lain seperti bekalan air, tempat tinggal, makanan dan lain-lain lagi (Mohd Firdaus Abdullah & Arba’iyah Mohd Noor 2020). British pada peringkat awal zaman penjajahan, sistem pelajaran yang diperkenalkan hanya pada peringkat asas atau rendah sahaja. Hal ini kerana, British tidak mahu anak-anak Melayu memiliki pelajaran yang tinggi kerana mereka beranggapan bahawa dengan pelajaran tinggi yang dimiliki, mampu membawa mereka ke arah satu bentuk penentangan secara berterusan (Arba’iyah Mohd Noor 2009).

Berdasarkan petikan syair, jelas menunjukkan bahawa, ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, berjaya membuktikan beberapa institusi pelajaran formal telah dibangun dan ditubuhkan. Sekitar tahun 1925, baginda mula menubuhkan Sekolah Melayu yang pertama dengan pelantikan seorang guru dan lapan orang murid (Abdullah Zakaria Ghazali 1996). Kesedaran terhadap kepentingan pelajaran dalam kalangan penduduk timbul kerana baginda merasakan melalui

pelajaran sahaja dapat mengubah nasib penduduknya kepada sebuah tahap yang lebih baik. Selain itu, baginda juga telah menubuhkan Sekolah Vernakular yang pertama sekitar tahun 1920 di Chukai, Kemasik, Paka, Marang, Setiu dan Besut. Manakala Sekolah Inggeris Sultan Sulaiman pula ditubuhkan sekitar tahun 1921 (Annual Report of Trengganu 1924).

Pada dekad pertama abad ke-20, baginda tidak hanya mementingkan pelajaran yang berorientasikan akademik semata-mata. Sebaliknya baginda turut memperkenal dan memajukan sistem pelajaran teknikal bagi membentuk tenaga kerja yang dapat memenuhi pasaran kerja dalam industri di Terengganu. Oleh itu, sistem pelajaran teknikal di Terengganu pada ketika ini menjadi aset penting yang dipertanggungjawabkan dalam menghasilkan guna tenaga yang diperlukan oleh negeri ini pada ketika itu. Misalnya pada 4 Mac 1937, sebuah sekolah kraftangan khas untuk golongan wanita telah ditubuhkan atas cadangan baginda. Didapati, penubuhan sekolah ini dilihat berjaya disebabkan oleh sifat golongan wanita yang menggemari aktiviti menyulam, mencelup dan menenun. Situasi ini telah memudahkan penetapan kurikulum yang dilaksanakan di sekolah tersebut. Sebagai langkah utama bagi memajukan Sekolah Tengku Ampuan Mariam, mata pelajaran bertenun telah diperkenalkan.



Gambar 9. Wanita Melayu Terengganu Sedang Menjalankan Aktiviti Penenunan dengan Menggunakan “Kir”

Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

Pejabat pelajaran turut mencadangkan agar pihak kerajaan negeri menghulurkan bantuan kewangan bagi menampung beberapa perbelanjaan penting sepanjang sekolah berkenaan beroperasi. Misalnya, bantuan kewangan telah diberikan bagi memperbaharui keadaan sekolah yang masih menggunakan dinding dan tingkap yang diperbuat daripada kajang atau mengkuang. Bantuan kewangan ini merupakan langkah awal kerajaan untuk membantu pelajar sebelum memperoleh lokasi yang lebih sesuai untuk memulakan pembelajaran tenunan (SUK. Tr. 922/1359).

Saya ma’alomkan ia-itu berkenaan pelajaran murid-murid perempuan (Di-rumah Pelajaran Tengku Ampuan Mariam) maka pelajaran yang diberi kepada murid-murid itu lain dari-pada tulis menulis maka pekerjaan tangan turut diberikan. Pada timbangan saya sangat-lah mustahak di-beri pekerjaan khas dengan di-ajari oleh guru-guru pandai dan mahir yang diambil dari Paka dan Kemaman. Menchelop sutera dengan chat-chat yang tiada boleh turun warnanya; tenunan-tenunan daripada benang

sutera (sokit) atau benang emas dan menerat kain-kain batik; anyam mengayam yang halus dari-pada daun tumbohan di bomi negeri Trengganu; rinda-rinda atau bantal-bantal motor car atau bantal-bantal kerusi. Barang-barang yang dikeluarkan akan di-jual kepada orang ramai. Sebagaimana sedia di-dalam pengtahwan tuan ia-itu keraja'an telah menchari beberapa akhtiar supaya boleh memberi apa-apa pertulungan kepada ra'ayatnya Maka ini saya faham ia-lah suatu jalan akhtiar juga pada memberi pelajaran kepada murid-murid perempuan Melayu yang kelak nyata-lah boleh mengembangkan pengetahuan pelajaran di-dalam sekolah itu kepada sahabat handai-nya serta dapat menjalankan pekerja'an yang munasabah itu bagi kehidopan diri-nya pada masa berhenti dari-pada pelajaran-nya kelak (B.A.T 995/1938).

Jadual 2. Aktiviti-aktiviti yang Berlangsung di Sekolah Tengku Ampuan Mariam

Aktiviti mencelup sutera-sutera dengan menggunakan cat yang tidak mudah luntur

Aktiviti bertenun dengan menggunakan benang sutera songket dan benang emas

Aktiviti menerat kain batik

Aktiviti mengayam daripada daun-daun tumbuhan

Aktiviti menjahit renda-renda bantal dan kerusi

Sumber: SUK. Tr. 660/1357, Pekerjaan Pertukangan Bagi Murid-murid Sekolah Perempuan Terengganu, 6 September 1938,



Gambar 10: Pelajar Wanita di Sekolah Tengku Ampuan Mariam

Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

b) Menggerakkan Peranan Lembaga Kesihatan Terengganu Bagi Meningkatkan Taraf Kesihatan Wanita

Berdasarkan *Syair Tawarikh Zainal Abidin III*, TDK dilihat turut memperihalkan mengenai transformasi sistem kesihatan di Terengganu yang bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan golongan wanita di negeri ini. Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah telah mencadangkan agar langkah pengawalan kesihatan dilakukan oleh Lembaga Kesihatan Terengganu. Langkah kawalan kesihatan ini dilakukan terhadap kesemua golongan peniaga yang menjalankan urusan jual beli terutamanya di Pasar Kedai Payang, Pasar Cabang Tiga dan Pasar Tanjong yang menjadi tumpuan utama golongan wanita untuk menjalankan kegiatan ekonomi. Tumpuan awal diberikan dengan pemasangan lampu jalan dan memelihara kawasan bandar terutamanya kawasan yang melibatkan pasar penjualan sayur, hasil perikanan, produk-produk perusahaan seperti tekstil, kraftangan, tembaga dan sebagainya. Pasar Kedai Payang dan beberapa pasar yang menjadi tumpuan penduduk Terengganu merupakan antara kawasan penting untuk masyarakat Melayu di Terengganu menjalankan urusan perniagaan (Terengganu Annual Report A.H. 1438 (8th June 1929-27th May 1930). Kaedah kawalan kebersihan di kawasan bandar adalah penting untuk memastikan kesihatan golongan peniaga terutamanya golongan wanita lebih terjamin. Hal ini kerana, kebanyakannya dalam kalangan mereka menjaya dan menjalankan perniagaan di tepi-tepi jalan dan terdedah dengan debu dan habuk (*The Annual Report of the British Adviser Trengganu for the year 1923*). Menurut laporan *The Medical Service of Trengganu*, kerajaan telah menubuhkan wad khas yang mempunyai 20 buah katil kepada golongan wanita. Kesannya, jumlah golongan wanita yang mengalami demam di Terengganu menurun sebanyak 862 kes pada 1931 berbanding 2,799 kes pada 1930 (*Annual Report On The Social and Economic Progress Of The People of Trengganu For The Year 1931*). Berdasarkan keutuhan keperibadian seorang sultan, layanan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah terhadap wanita Melayu jelas memperlihatkan tentang sikap terbuka baginda yang turut menghormati wanita dalam soal pembangunan sosial mereka. Ini kerana, wanita juga merupakan seorang tenaga kerja utama dalam memartabatkan sosioekonomi Terengganu seperti dalam kegiatan perusahaan tekstil, kegiatan penanaman padi, kegiatan perusahaan hasil perikanan dan sebagainya.

Kesimpulannya, maklumat berkaitan aspek sosial di Terengganu melalui *Syair Tawarikh Zainal Abidin III* dilihat mempunyai perkaitan yang jelas berkaitan aspek ekonomi seperti yang dibincangkan sebelum ini. TDK telah mengaitkan dengan jelas berkaitan persediaan awal yang dilakukan oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah bagi mendukung industri kraftangan di Terengganu dalam tempoh yang dinyatakan. Malah apabila ianya dirujuk silang dengan penyelidikan yang sedia ada, dapat dilihat maklumat yang diberikan oleh syair ini mempunyai liabiliti yang tersendiri. Sehingga kini, dapat dilihat bagaimana Terengganu masih lagi ‘menjaga’ industri kraftangan mereka yang dilihat berakar umbi sejak sekian lama.

Selain itu, perbincangan ini mendapati, di Terengganu tidak memerlukan kehadiran golongan feminis bagi memperjuangkan nasib dan hak wanita dalam kehidupan ekoran baginda dilihat telah berusaha mengangkat kedudukan wanita lebih baik berbanding sebelum itu. Situasi ini menunjukkan monopoli patriaki yang mencengkam institusi pemerintahan Melayu sejak sekian lama dilihat semakin berkurang dan situasi ini wajar dianalisis serta diketengahkan dalam sebuah penyelidikan baharu. Malah, kajian ini telah membuka ruang yang cukup luas dan memberikan anjakan baharu dalam bidang penyelidikan *gender studies* dan pengaruh patriaki dalam institusi pemerintahan Melayu tradisional dapat dibuktikan. Hal ini kerana, terdapat beberapa hujahan yang menyatakan patriaki menguasai keseluruhan sistem pemerintahan Melayu tradisional. Malah keutamaan dalam kehidupan adalah berpihak kepada golongan lelaki dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Situasi di Terengganu boleh dijadikan asas kepada kajian berkenaan sekiranya terdapat penyelidik lain yang berminat menjalankan penyelidikan tersebut pada masa hadapan.

Kesimpulan

Berdasarkan *Syair Tawarikh Zainal Abidin III*, jelas memperlihatkan bahawa syair tersebut bukan sahaja memperihalkan mengenai pentadbiran Sultan Zainal Abidin III malah turut memperihalkan mengenai kehebatan zaman Sultan Muhammad II dan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Artikel

ini menafikan dakwaan British yang menyatakan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah sebagai pemerintah yang lemah. Sekiranya dilihat dengan jelas, banyak perubahan terhadap sektor ekonomi, politik dan sosial berlaku ketika pemerintahan baginda dalam tempoh yang dinyatakan. Apa yang jelas, perkembangan ekonomi yang dibawa oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah juga telah membawa satu pencapaian besar apabila wanita Melayu mula berpeluang terlibat secara langsung dalam kegiatan ekonomi memandangkan permaisuri iaitu Tengku Ampuan Mariam cukup gemarkan ekonomi perusahaan tekstil. Situasi ini menunjukkan, di sebalik tanggapan British yang menganggap Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah lemah, ia sebenarnya telah membuatkan baginda lebih berdaya saing dan bersemangat untuk membuktikan baginda adalah tidak seperti yang disangkakan.

Cubaan memperkenalkan syair ini sebagai salah satu sumber utama dalam penyelidikan sejarah di Terengganu dan di Tanah Melayu itu sendiri dilihat menunjukkan bahawa sumber-sumber tempatan wajar diangkat seiring dengan penggunaan rekod-rekod lain terutamanya rekod British. Penghasilan syair ini menunjukkan bahawa, TDK menyediakan ruang untuk sejarawan mengkritik sumber-sumber yang sedia ada termasuk syair ini sebelum proses historiografi (pensejarahan) berlaku. Penyelidikan ini bukannya merupakan pengakhiran dalam menjadikan *Syair Tarawikh Zainal Abidin III* sebagai subjek perbincangan, sebaliknya ia merupakan permulaan ekoran banyak lagi aspek baharu yang boleh ditonjolkan melalui syair ini. Malah, syair yang ditulis oleh TDK juga jelas memperlihatkan bahawa ia benar mengenai sejarah dan perkembangan Terengganu dengan disokong rekod-rekod primer yang diperoleh penulis dalam artikel ini. Walaupun beliau melihat sesuatu isu itu daripada kaca mata pengarang istana, tetapi nilai kebenaran masih kekal terpelihara dan kekal sehingga kini.

RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali. 1996. *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai Di Terengganu 1942 1945*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Embong. 2012. ‘Mengungkap Sejarah Kesultanan Terengganu, 1708-2008’, dalam Abdul Rahman Embong. *Terengganu Merentasi Tiga Abad: Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama dan Budaya*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Abdul Rahman Haji Hussain. 1972. Pelajaran Untuk Orang Melayu. *Dewan Masyarakat*. Bilangan 6.
- Ahmad Said. 1983. Sejarah Besut sehingga Perang Dunia Kedua. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jilid. 12. *Annual Report of Trengganu 1924*.
- Arba’iyah Mohd Noor. 2009. Perkembangan Pelajaran Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden. *Jurnal Sejarah* 17.
- Arba’iyah Mohd Noor. 2018. Raja dan Rakyat Terengganu: Mengikut Tengku Dalam Kalthum Tengku Wook Khazaki. Dlm. Muhammad Abu Bakar (ed). *Orang Terengganu, Asal Usul, Arus Hidup dan Arah Tuju*. Kuala Terengganu: Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.
- Arba’iyah Mohd Noor & Norazilawati Abd Wahab. 2019. Pengaruh Indonesia Terhadap Tekstil Di Terengganu Pada Abad Ke-19. *Jurnal Pengajian Melayu* 30.
- Arba’iyah Mohd Noor. 2006. Naskhah Sultan Omar dan Salasilah Kesultanan Terengganu. Dlm Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (eds.). *Kesultanan Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- B.A.T 995/1938, Teaching of Handicraft in The Tengku Ampuan Meryam Girl School.
- Bharuddin Che Pa. 2012. *Institusi Raja Dan Peranannya Terhadap Penyebaran Islam Di Alam Melayu Nusantara*. Brunei: Terbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- C.L.M 279/37, Agricultural Show Ulu Trengganu 1938.
- C.L.M 279/37, Memorandum daripada Commissioner of Lands & Mines Trengganu kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Terengganu 18 Ogos 1938, Agricultural Show Ulu Trengganu 1938.
- C.L.M 283/1352, Memorandum daripada Sd. N.R. Garrett (Penolong Penasihat British Besut) kepada Penasihat British Terengganu 9 Januari 1934, The Agri-Horticultural Show 1934.
- CPR/M338 (73), Agricultural MAHA Department-MAHA Megazine 1927-1941.
- Dickson. E.A. 1914. (British Agent) Trengganu Annual Report For The Year 1913, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office.

- Fatimah Abdullah. 1977. Haji Ngah@Muhammad B. Yusof: Datuk Seri Amar Trengganu (1900-1940). *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies (JEBAT)* 7(8).
- Hasnah Hussin. 2011. Isu Pelajaran Wanita Melayu dalam Akhbar Majalah Pada Tahun 1920-an dan 1930-an. *Jurnal Sejarah* 19.
- Haziyah Hussin. 2004. Peranan Songket Dalam Perkahwinan Melayu: Golongan Istana dan Rakyat Biasa. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 17.
- Haziyah Hussin. 2006. *Motif Alam dalam Batik dan Songket Melayu*. Selangor: Penerbitan Dawama Sdn. Bhd
- Hill. A.H. 1949. The Weaving Industry in Terengganu, *JMBRAS* 22(3).
- Humphreys J.L, 1916. (British Agent Trengganu) The Annual Report of the British Agent Trengganu for the Year 1915. Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office.
- Humphreys J.L. 1923. (British Adviser Trengganu) The Annual Report of The British Adviser Trengganu For The Year 1922. Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office.
- Humphreys J.L. 1924. (British Adviser Trengganu). The Annual Report of The British Adviser Trengganu For The Year 1923, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office.
- Jelani Harun 2017. *Zainal Abidin III, Biografi Sultan Yang Adil dan Alim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2015. Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah Karya Agung Terengganu Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(2).
- L.O.T 29/1352, Memorandum daripada Setiausaha Sulit Sultan kepada Yang Berhormat Pesuruhjaya Kerajaan Dengan Kesejahteraan 7 Mac 1934, Duli Yang Maha Mulia Berkehendakkan Tembaga Lapis.
- L.O.T 105/1357, Mengirimkan Dulang Tembaga Puteh Kerana hadiah Kepada Al-Syed Abd. Rahman di Singapura.
- Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA)- The MAHA, Vol. 1, No. 1-4 and Vol. II, No. 1, 1927-1928.
- Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Mohd Firdaus Abdullah. 2021. If You Can Control Water, You Can Control Everything": Pembangunan Sumber Air Mentah Di Negeri Kedah, 1957-1992. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 5(1): 1-24.
- Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor. 2020. Perkembangan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah, 1957-1992. *Kajian Malaysia* 38(1).
- Mohd Firdaus Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor, Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Norasmahani Hussain dan Norazilawati Abd Wahab, 2021. Di Sebalik Isu Natrah, 1950: Reaksi Pembaca The Straits Times terhadap Tragedi Natrah. *Journal of Al-Tamaddun* 16(1): 47-64.
- Mohd. Noor Ismail. 2006. *Rodat: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1991. *Terengganu Darul Iman: Tradisi Persejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathan J.E. 1921. The Census of British Malaya (The Straits Settlements, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Brunei.
- Nazirah Lee. 1985. Transformasi Fesyen Pakaian Muslim Di Semenanjung Tanah Melayu, 1930-1940. *Jurnal Perspektif* 6(3).
- Noor Syamimi Ishak, Azharudin Mohamed Dali, dan Mohamad Rodzi Abdul Razak. 2014. Sejarah Bah Besar di Semenanjung Malaysia, 1926—1971. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan* 6(3).
- Nur Alia Shamsul Bahri. 2019. Bekalan Air Domestik di Terengganu, 1951-1997. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Othman Yatim. 1999. Seni Melayu atau Seni Islam?. *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia (PURBA)* 18.
- Pelajaran dan Pekerjaan Anak-anak Perempuan Melayu. 1938. *Majalah Guru* 87-88.
- P. H. Kratoska. 2001. *South East Asia Colonial History Volume I Imperialism before 1800* Peter Borchberg. Routledge: London dan New York.

- SUK. Tr. 103/1355, Hendak Ditunjukkan Tempat Pertukangan.
- SUK. Tr. 146/1355, Berkenaan Bagi Bukaan Sekolah Perempuan Pada hari Khamis Pukul 5 Petang.
- SUK. Tr. 922/1359, Hendak Diadakan Pelajaran Bertenun di Sekolah Tengku Ampuan Mariam, 10 September 1940.
- SUK. Tr. 660/1357, Pekerjaan Pertukangan Bagi Murid-murid Sekolah Perempuan Terengganu, 6 September 1938.
- Tatiana A. Denisova. 2011. *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Terengganu Annual Report A.H. 1438 (8th June 1929-27th May 1930).
- The Law of Trengganu, Volume I, Chapters 1-51, 1939.
- The Annual Report of the British Agent Trengganu for the Year 1916,
- The Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA), The MAHA Magazine, Volume XI, No. 1-4, 1941.
- Unfederated Malay States Annual Report 1914.
- Utusan Malaysia, 3 Oktober 2003.
- Zainal Abidin Wahid, 1973. "Pelajaran Untuk Menegakkan Kebenaran", *Dewan Masyarakat*, Jilid XI, Bilangan 6.

Norazilawati Abd Wahab
 Pusat Pengajian Teras,
 Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
 Email: norazilawatiwahab@unisia.edu.my

Ruzaini Sulaiman@Abd Rahim, (Ph.D)
 Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL)
 Universiti Malaysia Terengganu
 Email: ruzaini@umt.edu.my

Arba'iyah Mohd Noor, (Ph.D)
 Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial
 Universiti Malaya
 Email: arbaiyah@um.edu.my

Mohd Firdaus Abdullah, (Ph.D)
 Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA)
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Email: mfa@ukm.edu.my

Diserahkan: 13 Januari 2022
 Diterima: 15 Mac 2022
 Diterbitkan: 30 Jun 2022